



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (6)  
Tarikh : 11 Februari 2021

## KENYATAAN MEDIA

---

### **KELULUSAN KHAS BAGI URUSAN PERPINDAHAN KELUAR DAN MASUK DI SKIM STRATA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah bersetuju untuk memberikan pertimbangan bagi kelulusan khas perpindahan keluar dan masuk di skim strata susulan pengumuman lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 18 Februari 2021.

Walaupun bagaimanapun, permohonan kelulusan khas ini hanya terpakai bagi individu atau mereka yang berada di dalam keadaan dan situasi mendesak yang memerlukan pergerakan dan perpindahan keluar masuk di skim strata tersebut.

Sehubungan itu, individu dan pihak yang terlibat boleh mengemukakan permohonan bertulis kepada KPKT bagi memohon kelulusan khas ini. Syarat permohonan adalah seperti berikut:

- 1) Mengemukakan dokumen perjanjian sewaan yang ditamatkan/baru dimeterai atau urusan jual beli bagi rumah baharu, atau pengesahan keluar rumah oleh pemilik;
- 2) Telah mendapat kebenaran pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk merentas daerah/ negeri;
- 3) Perpindahan mendapat sokongan daripada Badan Pengurusan Skim Strata yang terlibat;
- 4) Mengadakan pengesahan sendiri; diri/keluarga yang mengisytiharkan tidak bergejala COVID19
- 5) Pekerja syarikat *mover* yang terlibat dalam urusan perpindahan disahkan sihat, negatif gejala COVID-19 dan tiada kontak rapat; dan
- 6) Pengisytiharan cadangan tarikh dan masa perpindahan yang spesifik.

Kementerian bersedia untuk memberi pertimbangan sewajarnya kepada permohonan kelulusan khas ini sekiranya ia memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Masyarakat awam juga diminta untuk terus mematuhi arahan dan SOP yang ditetapkan seperti dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung peningkatan kes COVID-19 di negara ini.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)